

# MRT Sungai Buloh-Kajang siap 86.25 peratus

[FOTO NURUL SHAFINA JEMENON/BH]



**Mahmood pada sidang media** sesi penerangan pembangunan projek MRT Sungai Buloh-Kajang di Kuala Lumpur, semalam.

**Kuala Lumpur:** Pembangunan projek Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) bagi jajaran Sungai Buloh-Kajang (SBK) berjalan lancar apabila mencapai 86.25 peratus siap setakat Mei lalu.

Fasa pertama Laluan SBK antara stesen Sungai Buloh dan stesen Semantan akan mula beroperasi pada Disember ini, manakala peringkat kedua operasi merangkumi baki laluan akan bermula pada Julai 2017.

Pengarah Bahagian Operasi dan Pengurusan Aset MRT Corp, Mahmood Abdul Razak, berkata setakat ini, semua kerja pembinaan awam bagi stesen, landasan bertingkat dan seksyen landasan jejambat sudah siap dibina.

Katanya, pihaknya kini sedang tumpu kerja pembinaan stesen dan pintu masuk serta pemasangan jejambat berhubung antara jalan dan kemudahan di stesen.

"Kami yakin projek membabitkan laluan sejauh 51 kilometer (km) dan 31 stesen ini dapat berjalan lancar dengan kerja utama disiapkan pada waktu ditetapkan.

"Bagi menjalankan operasi fasa

pertama, 24 kereta api akan diperlukan dan ia sudah dihantar ke MRT Depot Sungai Buloh.

## **Pandu uji 1 Oktober**

"Kita akan melakukan pandu uji bagi operasi membabitkan fasa pertama pada 1 Oktober ini," katanya kepada pemberita ketika sesi penerangan di sini, semalam.

BH sebelum ini melaporkan MRT Corp memeterai Perjanjian Penyerahan dan Operasi MRT dengan Rapid Rail Sdn Bhd (Rapid Rail), yang dilantik mengendalikan Laluan MRT SBK.

Perjanjian berkenaan menyatakan obligasi Rapid Rail, anak syarikat Prasarana Malaysia Bhd (PRASARANA) berkaitan dengan penyelenggaraan tren, stesen, sistem dan aset lain selain dilantik sebagai operator selama 10 tahun dengan pilihan lanjutan lima tahun lagi.

Mahmood berkata, Rapid Rail akan mengekalkan semua tambang dikutip yang akan ditetapkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), manakala MRT Corp akan mengekalkan pendapatan bukan tambang seperti pengiklanan dan pajakan runcit.